

01/12/1997

Sidang tumpu isu kegawatan ekonomi

KUALA LUMPUR, Ahad - Pegawai kanan kewangan dari negara Asean memulakan mesyuarat hari ini sebagai persiapan Mesyuarat Menteri Kewangan Asean (AFMM) di sini mulai esok yang dijangka membincangkan kegawatan ekonomi serantau berikutan serangan spekulatif terhadap mata wang sejak Julai lalu.

Mereka terdiri daripada pegawai kewangan dan timbalan gabenor bank pusat dari sembilan negara Asean iaitu Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei, Vietnam, Filipina, Laos dan Myanmar.

Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Clifford Herbert yang ditemui selepas sesi pagi mesyuarat peringkat pegawai berkata, perbincangan dijangka tertumpu kepada langkah untuk menjadikan urusan niaga mata wang lebih telus selain kemajuan piawaian penyataan pasaran kewangan.

Katanya, agenda utama lain adalah masalah ekonomi serantau dan kemudahan pembiayaan termasuk perbincangan dengan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Pengarah Urusan IMF, Michel Candessus juga menghadiri mesyuarat itu manakala Bank Dunia diwakili naib presiden kanannya, Joseph Stiglitz.

Candessus dijangka membentangkan laporan kemajuan berhubung cadangan Malaysia supaya diwujudkan peraturan berhemat dalam urusan niaga mata wang pada mesyuarat tiga hari itu.

Beberapa siri mesyuarat turut diadakan esok antara Menteri Kewangan Asean dengan enam negara lain iaitu Australia, China, Hong Kong, Jepun, Korea Selatan dan Amerika Syarikat.

Mesyuarat Timbalan Gabenor bank pusat dan Kewangan Asean di Manila minggu lalu merangka kemudahan pembiayaan kerjasama tetapi tidak membabitkan peruntukan kewangan besar, sebagai asas ke arah pembinaan keyakinan.

Pegawai kanan menyebut, soal itu akan turut dibincangkan di AFMM.

Mesyuarat di Manila bersetuju negara yang menghadapi krisis ekonomi terlebih dahulu meminta bantuan IMF sebelum mendapat pembiayaan melalui kemudahan pembiayaan kerjasama itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan AFMM di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini petang esok.

(END)